

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



KENALI RISIKO OPERASI RANTAIAN BEKALAN BAGI KESTABILAN PKS

¹Jannah Munirah Mohd Noor, ²Suhaily Maizan Abdul Manaf & ²Nur Dalila Adenan

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Sejak kebelakangan ini banyak isu berkaitan ketahanan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai isu ketahanan golongan ini dalam memastikan kestabilan kelangsungan perniagaan terutamanya dalam isu yang melibatkan keuntungan, modal dan pencapaian PKS. Isu risiko operasi di dalam rantai bekalan merupakan isu yang penting dalam sesebuah perniagaan terutamanya apabila berhadapan dengan cabaran pandemik Covid-19.

Antara yang hangat diperkatakan adalah seperti kelewatan penghantaran dari pembekal, pemulangan barang rosak dari pembekal kerana kualiti yang rendah serta isu di dalam proses pengeluaran di kilang yang mempunyai gangguan seperti masalah mesin, pekerja dan kapasiti untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

PKS memainkan peranan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ia merangkumi

sebanyak 98.5 peratus pertubuhan perniagaan dan 66.5 peratus peluang pekerjaan di Malaysia. Manakala dari segi rantai bekalan dan rangkaian niaga pula, 68.1 peratus menjadi pembekal langsung firma asing besar di negara ini.

Makanya, penting kepada semua pihak mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi memastikan kestabilan daya tahan PKS terutama dalam menghadapi cabaran pandemik ini.

“...kelewatan penghantaran dari pembekal, pemulangan barang rosak dari pembekal kerana kualiti yang rendah serta isu di dalam proses pengeluaran di kilang yang mempunyai gangguan seperti masalah mesin, pekerja dan kapasiti...”

Antara perkara yang boleh diusahakan oleh PKS adalah mengenal pasti risiko rantai bekalan bagi kestabilan PKS di mana ia mampu untuk memastikan PKS berhadapan dengan risiko yang lebih besar seterusnya menyebabkan mereka terpaksa menggulung tika.

Menurut Professor Stephen M. Wargner dari Pengurusan Logistik, Federal Institute of Technology of Zurich, setiap organisasi dalam perniagaan seharusnya mengenal pasti lima dimensi risiko dalam pengoperasian perniagaan iaitu risiko permintaan, risiko pembekal, risiko perundangan dan birokrasi, risiko infrastruktur

dan seterusnya risiko malapetaka atau lebih kepada risiko bencana. Menurut beliau juga, tinjauan yang dijalankan kepada pengoperasian perniagaan kepada 270 syarikat, 38% mereka mengatakan mereka tidak mampu mengendalikan risiko dengan baik. Maka dengan itu, penting setiap syarikat memastikan pengendalian risiko dari segi strategi mengatasi dan mengurangkan risiko agar organisasi mampu bertahan berdepan dengan pelbagai cabaran.

Tahun 2019 adalah cabaran terbesar bagi usahawan PKS disebabkan wabak pandemik Covid-19. Risiko pandemik ini bukan sahaja

merisikakan pengoperasian malah melibatkan risiko faktor kesihatan dan keselamatan pekerja yang melibatkan pengoperasian kilang atau syarikat terpaksa ditutup, disita dan memberi impak kepada prestasi syarikat. Menurut Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Wan Junaidi Tunku Jaafar mendedahkan sebanyak 9,875 perusahaan terpaksa menutup operasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020, manakala penamatan operasi syarikat semakin meningkat pada bulan Ogos 2020 dengan 17,800 pengusaha dicatatkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan

Bersyarat (PKPB). Statistik ini adalah berdasarkan daripada data yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Walaupun 8.85 peratus usahawan menutup operasi perniagaan berbanding jumlah keseluruhan PKS, namun ianya agak membimbangkan kerana 79.53 peratus adalah merupakan usahawan mikro.

Tinjauan juga mendapati kegagalan usahawan mikro untuk meneruskan kelangsungan syarikat akibat tidak mampu untuk menanggung risiko kos operasi yang kian meningkat termasuk bekalan bahan mentah yang sukar didapati di musim pandemik berikutan penutupan kilang-kilang yang menjadi sumber utama kepada usahawan mikro. Antara faktor lain juga yang menyebabkan masalah di rantai bekalan di kalangan PKS juga adalah perubahan permintaan pelanggan yang sentiasa berubah-ubah akibat kekangan polisi dan dasar kerajaan serta ketidakstabilan harga bahan mentah menyebabkan kesukaran usahawan PKS menetapkan harga serta merangka jangkaan jualan.

Sehubungan itu mengenal pasti risiko menjadi keutamaan kini kerana PKS sendiri mengakui mereka mampu mengatasi masalah permintaan tetapi dari sudut bekalan banyak lagi yang perlu diusahakan. Namun

“...kegagalan usahawan mikro untuk meneruskan kelangsungan syarikat akibat tidak mampu untuk menanggung risiko kos operasi yang kian meningkat..”

masalah mengenal pasti risiko yang tidak dijangka seperti wabak pandemik ini merupakan pukulan terhebat kerana ia sesuatu diluar jangkaan kerana tiada pengalaman dan kekurangan pengetahuan untuk menghadapi wabak ini menyebabkan ramai yang terpaksa akur menerima bahawa ini bukan masa terbaik untuk meneruskan operasi syarikat. Sekiranya masalah kebimbangan bekalan tidak diatasi segera, ia bukan sahaja menyebabkan mereka terpaksa gulung tikar tetapi masalah pengangguran akibat kehilangan pekerjaan serta peningkatan graduan menganggur juga turut mengheret kepada kemelesatan ekonomi yang agak mendesak pada masa akan datang. Syarikat-syarikat global seperti Toyota dan Microsoft, mengambil iktibar dari insiden kerugian rantai bekalan akibat dari bencana yang tidak diduga seperti tsunami (2004 dan 2011), taufan (US 2005, Hong Kong 2018) gempa bumi (Taiwan 1999, 2009, 2010, dan Turki 2012), wabak SARS pada tahun 2003, varian demam selesema burung

2005, Swine flu 2009), serta serangan pengganas (New York 2001, Madrid 2004, London 2005, dan Jakarta 2009). Susulan bencana tersebut yang tidak terduga ini melumpuhkan sistem rantai bekalan secara global dan memberi impak reputasi kepada syarikat seperti kehilangan pembekal utama dari negara yang terbabit dengan risiko bencana ini, perubahan sistem teknologi, kualiti infrastruktur selepas dari bencana, serta penumbuhan ekonomi dan prestasi syarikat untuk bangkit semula memakan masa yang panjang. Oleh yang demikian, banyak syarikat global dan syarikat besar mempunyai penilaian risiko secara berkala dengan cara mengenalpasti kemampuan dan kelemahan syarikat serta meletakkan risiko untuk mengikut tahap agar strategi yang dirancang sejajar dengan pelaksanaan dalam pengurangan risiko yang sedia ada sama ada risiko operasi yang telah diduga dan tidak diduga oleh pihak syarikat.

Salah satu cara yang terbaik bagi mengurangkan risiko rantai bekalan dalam industri PKS adalah komunikasi diantara pembekal dan pelanggan serta pertukaran maklumat bahan mentah, pembekal dikalangan PKS sebagai amalan dan inisiatif yang paling penting untuk mengurangkan risiko daripada berlaku impak yang tidak terduga. Selain

itu, kepelbagaian sumber pembekal serta sentiasa membuat dan mengenal pasti risiko syarikat secara berkala haruslah diimplimentasikan oleh syarikat kecil kerana risiko itu pasti ada sama ada kecil atau besar. Selain itu, sokongan kerajaan kepada PKS dibawah pakej PRIHATIN dengan menawarkan kemudahan jaminan berjumlah RM50 bilion kepada semua PKS serta bantuan dana khas Covid-19 sebagai mengurangkan risiko kewangan dilihat

sebagai inisiatif yang baik serta Pelan Pemulihan Negara yang dilihat secara dasarnya mampu untuk memberi nafas baru kepada usahawan PKS. Namun, usahawan PKS juga harus bijak untuk menggunakan peluang dan ruang yang diberikan bagi memastikan kelestarian syarikat.

Walaupun kebimbangan wabak ini semakin kian meruncing dengan angka pesakit meningkat, namun ada sinar dengan kehadiran program vaksinasi negara,

manakala bilangan usahawan PKS terpaksa gulung tikar masih dalam keadaan terkawal dengan tindakan proaktif kerajaan dalam membentuk inisiatif pembiayaan, latihan, bimbingan, khidmat nasihat dan pakej rangsangan. Oleh yang demikian, usahawan PKS juga kini harus bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan yang ada dengan mempelbagaikan strategi pengurangan risiko yang mampan dengan sokongan dari kerajaan.




Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash